

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

4. Terangkan status terkini tentang projek perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Suboh yang telah siap dibina.
 - (a) Nyatakan kriteria dan syarat yang telah dikenakan ke atas proses pengagihan rumah PPR tersebut kepada golongan sasaran.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membina rumah PPR yang mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan rakyat?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tok Suboh telah dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di atas tanah seluas 18 ekar milik Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Projek ini menyediakan sejumlah 231 unit rumah teres setingkat, dan berkeluasan 1,300 kaki persegi. Kerja-kerja fizikal projek telah siap sepenuhnya dan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 21 Disember 2017.

Buat masa ini pihak KP KT masih belum memuktamadkan jenis sewaan yang akan ditawarkan kepada pemohon yang layak.

Meskipun begitu, dalam beberapa sesi perbincangan yang diadakan bersama pihak Kerajaan Negeri telah dipersetujui bahawa tawaran skim sewa-beli merupakan mekanisma yang paling sesuai selaras dengan jumlah permohonan Rumah Mampu Milik ‘A’ harga maksima RM42,000 (RMM ‘A’) yang tinggi bagi Daerah Seberang Perai Tengah.

- (a) Permohonan unit PPR sewa-beli akan dikenakan syarat sebagai mana dasar Kerajaan Negeri terhadap pemohon RMM ‘A’. Selain perlu berdaftar dengan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pemohon mematuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan;
 - (iii) Anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin di Pulau Pinang;
 - (iv) Pengundi Berdaftar di Pulau Pinang;
 - (v) Bekerja di Pulau Pinang; dan
 - (vi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM2,500.00.

Dalam pada itu, kebenaran merancang projek ini telah menetapkan bahawa keutamaan akan diberi kepada 54 keluarga setinggan yang menduduki kawasan bersebelahan tapak seperti mana disenaraikan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Tengah.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya sedar terdapat permintaan yang tinggi dari kalangan pemohon PPR di Pulau Pinang khasnya di Daerah Timur Laut. Sehubungan itu, mantan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri sejak 20 April 2017 telah mengutus beberapa surat kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu mencadangkan tiga lot tanah di kawasan Jelutong yang dilihat berpotensi untuk dijadikan tapak PPR. Usaha ini telah menunjukkan perkembangan yang positif susulan perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan Persekutuan selepas pilihan raya umum yang lalu. Rombongan unit teknikal daripada KPKT telah hadir ke Pulau Pinang pada 29 Jun 2018 bagi membuat penilaian kesesuaian tapak-tapak yang dicadangkan iaitu Lot 10042, 10043 dan sebahagian Petak A di Seksyen 1, Bandar Jelutong.